

01.5332

JOHOR DARUL TAKZIM

Cetakan Pertama 1998

© Hak Cipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan
mana-mana bahagian buku ini dalam apa jua bentuk
atau cara sekalipun kecuali dengan izin bertulis
daripada

PENERBIT PRISMA SDN BHD

NO. SYARIKAT: 154124-A
129, Jalan SS 25/2, Taman Mewah
47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7034393 / 7034397

Fax: 603-7039367

ISBN 983-823-559-8 (SIRI)
983-823-568-7

MABOPA
No. Ahli: 8702

M
959.5119
ROS

Dicetak oleh YEOHPRINCO SDN BHD

26 SEP 2002

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA
APB 01077581

Siri Kenali Negerimu

Johor Darul Takzim



Roselan Abd. Malek
Azmi Yusoff

Penerbit Prisma Sdn Bhd
No Syarikat: 154124 - A
Petaling Jaya

1910

1910


1910

JOHOR DARUL TAKZIM

Dalam hikayat Jawa *Negara Kertagama* yang ditulis oleh Prapanca dalam tahun 1365 ada tercatat nama Ujung Madini atau Ujung Tanah, Muar, Pahang dan Temasik yang tertakluk di bawah kerajaan Majapahit. Ujung adalah kependekan perkataan 'hujung'. Hujung tanah di sini bermaksud kawasan yang terletak di hujung Semenanjung Tanah Melayu. Berdasarkan penulisan awal, Johor juga adakalanya disebut sebagai *Ta-na* (Gerini) atau *Jantan* atau *Jantana*. Ada pula yang menyebut kawasan Johor itu sebagai *Satana*.

Pernah juga dikatakan bahawa perkataan Johor itu berasal daripada perkataan *yor* yang bermaksud 'sesuatu yang menyambungkan' dalam bahasa Hindi. R.O. Winstedt, sejarawan dan bekas pentadbir British di Malaya, banyak membuat kajian berkenaan cara hidup dan budaya orang Melayu dan sejarah Tanah Melayu.


Istana Abu Bakar.



Dalam penulisannya berkenaan Johor, Winstedt pernah menggunakan nama *Wurawari* bagi merujuk kepada Johor.

Wurawari berasal daripada perkataan Jawa yang bermaksud 'air jernih'. Ada diceritakan bahawa terdapat sebuah prasasti (piagam yang terukir pada batu) dalam bahasa Sanskrit dan bahasa Jawa. Prasasti ini dipercayai telah diukir pada sekitar tahun 1006 Masihi. Padanya ada tercatat perihal satu bencana yang dibawa oleh Wurawari ke atas Tanah Jawa.

Tun Seri Lanang dalam *Sejarah*



Makam Sultan Mahmud mangkat dijulang

Melayu yang dikarang sekitar tahun 1612 menceritakan Raja Suran yang menakluk Gangga Negara (di Perak) juga menakluk negeri Ganggayu atau Gengga Ayu sebuah kerajaan di hulu Sungai Johor. Mengikut Tun Seri Lanang, kota itu masih wujud. Buku undang-undang Siam berjudul *Kot Monthiera Ban* ada menyebut tentang

raja di Wurawari yang menaiki takhta dalam tahun 1435. Mengikut buku itu, Wurawari berada di bawah takluk Siam pada masa itu.

Johor juga dikaitkan dengan nama *Ganggayu* atau *Gangga Ayu* atau *Kelangio*. Dalam bahasa Jawa, perkataan ini mempunyai makna yang sama dengan Wurawari iaitu 'air jernih'. *Ganggayu* dan *Gangga Ayu* pernah dikaitkan dengan perkataan *galuh* yang dalam bahasa Jawa bermakna permata. Kebetulan pula perkataan itu sama maknanya dengan perkataan Arab

jauhar iaitu permata. Pada p e n d a p a t umum, daripada perkataan inilah lahirnya nama Johor.

Daripada catatan-catatan sejarah nyata bahawa negeri Johor sudah lama mempunyai pemerintah dan telah pun menjalin perhubungan dengan dunia di luar alam Melayu.

Lipatan sejarah seterusnya mengaitkan pemerintahan Johor dengan kesultanan Melaka.

Apabila Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511, sultan Melaka dan pembesar-pembesar negeri itu telah lari ke daerah Muar, Johor. Di situ sultan Melaka menegakkan kerajaan sementara menunggu peluang untuk

merampas kembali kota Melaka. Walau bagaimanapun, rancangan baginda tidak berjaya dan dengan itu baginda terpaksa menetap di Johor. Dari tahun 1511, Kesultanan Johor tidak lain daripada lanjutan Kesultanan Melaka dalam buangan. Wilayah takluk Johor juga tidak banyak berbeza daripada wilayah takluk Melaka. Pemerintahan dari keturunan sultan Melaka di Johor berakhir pada tahun 1699 dengan pembunuhan Sultan Mahmud Shah II. Sultan Johor yang kesepuluh itu

mangkat dibunuh oleh pembesar Johor yang bernama Megat Seri Rama yang juga bergelar **L a k s a m a n a** Bentan. Menurut hikayat tindakan Laksamana Bentan itu adalah sebagai balasan ke atas perbuatan kejam sultan yang telah membunuh isterinya. Ketika itu baginda sedang diusung dalam perjalanan ke masjid di Kota Tinggi untuk

menunaikan fardu Jumaat. Dengan itu putuslah jurai keturunan Kesultanan Melaka di Johor.

Dari tahun 1699 hingga tahun 1824, Johor diperintah pula oleh sultan-sultan daripada keturunan bendahara. Keturunan bendahara Johor juga mempunyai kaitan dengan istana Melaka dahulu.

Selepas kemangkatan Sultan Mahmud Shah II, takhta Johor diwarisi oleh bendahara Johor yang kesembilan belas yang kemudian memakai gelaran Sultan Abdul Jalil IV. Semasa pemerintahan Sultan Abdul Jalil IV muncul pula Raja Kechil dari Siak. Raja Kechil mengaku bahawa beliau adalah putera Sultan Mamud Shah II yang mangkat dijulung. Keadatangannya ke Johor adalah dengan tujuan untuk merampas kembali takhta yang kononnya milik keluarganya. Untuk



Makam Laksamana Bentan yang telah membunuh Sultan Mahmud Shah II, Sultan Johor yang terakhir dari keturunan Kesultanan Melaka

mengelakkan peperangan, Sultan Abdul Jalil IV mengahwinkan puteri baginda, Tengku Tengah dengan Raja Kechil. Selepas itu Raja Kechil menukarkan namanya kepada Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.

Melalui perkahwinan itu Raja Kechil berjaya menduduki takhta kerajaan Johor. Secara rasminya, Sultan Abdul

Jalil IV masih sultan Johor. Akan tetapi, pemindahan kuasa pemerintahan kepada Raja Kechil tidak menyenangkan pembesar-pembesar negeri mahupun anak-anak Sultan Abdul Jalil IV sendiri.

Sejak sebelum Sultan Abdul Jalil IV mangkat lagi, putera baginda Tengku Sulaiman sudah bermusuhan dengan Raja Kechil. Keadaan ini diperburuk pula oleh keinginan Raja Kechil untuk memperisterikan adik iparnya, Tengku Kamariah. Kemudian, muncul pula faktor penentunya, iaitu orang Bugis.

Pada masa itu orang Bugis sudah mula mendiami kawasan pantai di Selangor. Yang terkenal di kalangan orang Bugis itu ialah lima bangsawan Bugis: Daeng Perani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menambun dan Daeng Kemasek. Lima adik-beradik itu beserta dengan bapa mereka Daeng Rilaka, telah diusir oleh Belanda dari tanah air mereka di Sulawesi.

Pada mulanya Raja Kechil telah berpakat dengan Daeng Perani untuk sama-sama belayar ke Johor dan merampas kuasa di sana. Akan tetapi, Raja Kechil tidak menepati janjinya lalu pergi ke Johor tanpa pasukan Daeng Perani. Apabila Daeng Perani tiba di Johor, beliau telah didatangi Tengku Sulaiman, putera kepada Sultan Abdul Jalil IV. Mereka bersetuju untuk berganding kuasa bagi menentang Raja Kechil. Tidak lama kemudian tersingkirlah Raja Kechil dari Johor.

Tengku Sulaiman menjadi sultan Johor yang kedua belas dengan gelaran Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah. Bagi orang Bugis, penglibatan mereka dalam hal-ehwal istana Johor itu menandakan titik permulaan campur

tangan mereka dalam politik dan pemerintahan wilayah orang Melayu.

Sultan Sulaiman memindahkan pusat pentadbirannya dari tanah besar Johor ke Pulau Riau. Riau dijadikan pusat pentadbiran empayar Johor-Riau hingga ke zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah III, apabila baginda berpindah ke Pulau Lingga.

Sultan-sultan Johor Dari Keturunan Bendahara

Bendahara Seri Maharaja - Sultan Abdul Jalil IV

(Sultan Johor ke-11; mangkat 1717)

Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah

(Sultan ke-12; memerintah 1722-1760)

Sultan Abdul Jalil V

(Sultan ke-13; memerintah 1760-1761)

Sultan Ahmad Shah

(Sultan ke-14)

Sultan Mahmud Shah III

(Sultan ke-15; memerintah 1761-1812)

Sultan Husein Shah

(Sultan ke-16; memerintah 1810-1835)

Tengku Ali

(Sultan ke-17)

Sultan (Temenggung) Ibrahim

(Sultan ke-18)

Sultan Abu Bakar

(Sultan ke-19; Bapa Johor Moden)

Sultan Ibrahim

(Sultan ke-20; 1895 -1959)

Sultan Ismail

(Sultan ke-21 1959 - 1981)

Sultan Iskandar Shah

(Sultan ke-22; 1981 -)

Sultan Mahmud Shah III meninggalkan dua orang putera, yang sulung Tengku Husein (Tengku Long) dan adinda baginda Tengku Abdul Rahman. Selepas kemangkatan Sultan Mahmud, dua adik-beradik ini mula berebut takhta Johor. Pihak Inggeris mengiktirafkan Tengku Hussein sebagai sultan yang sah bergelar Sultan Hussein Shah. Pihak Belanda pula mengiktiraf Tengku Abdul Rahman. Dengan itu empayar Johor-Riau berpecah.

Tengku Hussien memerintah Johor dan Singapura. Tengku Abdul Rahman pula memerintah Riau dan Lingga. Walau bagaimanapun, Tengku Hussien kemudiannya berpindah ke Melaka dan mangkat di sana. Tengku Abdul Rahman menetap di Singapura dan mangkat di situ. Pemandahan Tengku Hussein ke Melaka secara tidak langsung telah menyebabkan Tengku Abdul Rahman lebih berpengaruh di Johor.

Apabila Tengku Abdul Rahman mangkat, putera baginda yang kedua, Temenggung Ibrahim (Daeng Ronggek) dilantik menjadi Temenggung Johor yang baru. Apabila Sultan Hussein mangkat, putera sulung baginda Tengku Ali menuntut hak sebagai pemerintah Johor.

Pada masa itu, British sudah menduduki Singapura. Secara langsung pihak British telah memasuki kancah politik di

negeri itu. Ada tanda-tanda yang menunjukkan pihak British secara senyap-senyap cuba menghalang perlantikan Tengku Ali. Tetapi lamakelamaan British bersetuju dengan tuntutan Tengku Ali. Ekoran daripada perlantikan ini timbul pula perselisihan di antara Tengku Ali dan Temenggung Ibrahim. Untuk menghenjinkan kekeruhan tersebut satu perjanjian telah ditandatangani. Menurut perjanjian ini seluruh wilayah Johor diserahkan kepada kepada Temenggung Ibrahim, kecuali daerah Muar-Kesang. Tengku Ali dibayar pampasan dan berpindah ke Kesang, sebelum ke Melaka akhirnya. Tengku Ibrahim dengan rasmi menjadi Sultan Johor yang kelapan belas.



Makam Tengku Ali di Kampung Umbai di Melaka. Umbai mempunyai kaitan rapat dengan Kesultanan Johor khususnya.

Baginda mangkat pada 1 Februari 1862.

Tengku Ibrahim digantikan oleh putera baginda, Temenggung Abu

Bakar. Pada tahun 1877, Tengku Ali menyerahkan Kesang kepada Temenggung Abu Bakar. Pada 20 Januari 1877, Tengku Ali mangkat di Umbai, Melaka.

Sultan Abu Bakar diberi gelaran 'Bapa Johor Moden'. Pada tahun 1885, baginda menubuhkan pasukan tentera Johor yang dipanggil 'Pasukan Timbalan Setia Negeri'. Baginda mangkat pada 4 Jun 1895 dan digantikan oleh putera baginda, Sultan Ibrahim. Sultan Ibrahim mangkat pada 9 Mei 1959 dan digantikan oleh Sultan Ismail. Baginda Sultan Ismail mangkat pada 10 Mei 1981 dan digantikan oleh putera baginda, Sultan Iskandar Shah.

Keluasan kawasan negeri Johor ialah kira-kira 19 000 kilometer persegi. Negeri Johor satu-satunya negeri yang mempunyai pantai yang menghadap dua lautan iaitu Laut Cina Selatan dan yang menghadap Selat Melaka. Pulau

Singapura terpisah dari Johor oleh Selat Tebrau. Sungai-sungai utama di Johor ialah Sungai Johor, Sungai Endau, Sungai Muar, Sungai Batu Pahat dan Sungai Sedili Besar.

Puncak tertinggi di Johor ialah Gunung Ledang atau Mount Ophir. Ketinggiannya ialah 1,395 meter. Gunung Ledang terletak di daerah Muar di sempadan Johor dengan Melaka dan Negeri Sembilan.

Negeri Johor terbahagi kepada lapan daerah iaitu Johor Bahru, Pontian, Kota Tinggi, Batu Pahat, Muar, Keluang, Segamat dan Mersing. Ibu negeri Johor ialah Johor Bahru. Bandar ini dahulunya dikenali sebagai Tanjung Puteri. Tanjung Puteri dibuka oleh Temenggung Ibrahim sebagai pusat pentadbiran baru baginda. Putera baginda kemudian menukarkan nama bandar itu kepada Johor Bahru pada 1 Januari 1866.

BATU PAHAT

Perigi Batu Pahat dipercayai telah dibina oleh Awi Dicu, ketua angkatan tentera Siam yang melancarkan serangan ke atas Melaka kira-kira 550 tahun dahulu. Menurut cerita tentera Siam yang berkhemah di situ terpaksa menggunakan pahat untuk memecahkan batu ketika membina perigi ini.

Penutup perigi ini juga dibina daripada batu dan kini telah sebatu dengan perigi dan tidak boleh diangkat lagi.

Pada masa itu Melaka diperintah oleh Sultan Muzaffar Shah 1445-1458.

Catatan awal tentang Batu Pahat terdapat di dalam sejarah China. Menurut sejarawan Barbara dan Leonard Audaya, catatan sejarah China dalam abad kesembilan ada menyebut tentang sebuah daerah perdagangan di selatan Muar yang dikenali sebagai *Lo Yueh*. Tempat yang bernama *Lo Yueh* itu dipercayai Batu Pahat.

Nama Batu Pahat terdapat juga dalam catatan sejarah Siam. Catatan itu

menunjukkan bahawa di sekitar Selat Melaka dalam abad kelima belas terdapat beberapa banyak petempatan orang Siam. Sewaktu itu kerajaan Siam sedang meluaskan kuasa. Melaka juga termasuk dalam rancangan penaklukan mereka. Malah beberapa kali Tun Perak, bendahara Melaka yang ternama itu terpaksa ke Kelang dan Pahang (kedua-duanya di bawah takluk Melaka) untuk mematahkan serangan tentera Siam.



Lambang yang menjadi mercu tanda di Bandar Batu Pahat.

Semasa membuat persiapan hendak menyerang Melaka, tentera Siang yang diketuai oleh Awi Dicu telah berhenti di Batu Pahat. Di situ mereka menggali perigi di suatu kawasan yang berbatu untuk mendapatkan air. Daripada perbuatan mereka memahat batu lubang perigi itulah dikatakan lahirnya nama Batu Pahat. Perigi Siam atau Perigi Batu Pahat yang ada sekarang ini dipercayai perigi peninggalan tentera Siam tersebut.

Pendapat lain pula mengaitkan asal nama Batu Pahat dengan Kota Santiago atau *A Famosa*, kota tinggalan Portugis di Melaka itu. Menurut pendapat ini nama Batu Pahat diambil bersempena kegiatan orang Portugis memahat bongkah-bongkah yang digunakan untuk membina kota tersebut.

Munshi Abdullah bin Abdul Kadir Munshi dalam buku karyanya *Hikayat Abdullah* ada menyebut: "Sahadan adapun Batu Pahat itu batu Melaka yang digunakan oleh Alfonso d'Albuquerque. Aku dengar konon batu itu dipahat oleh orang Cina yang menjadi tukang kota itu. Batu Pahat itu digunakan oleh Portugis maka sebab itu sampai sekarang ini pun tempat itu bernama Batu Pahat."

Nama rasmi Batu Pahat ialah Bandar Penggaram. Nama itu dirasmikan pada 1 Disember 1894. Walau bagaimanapun, nama ini jarang digunakan hari ini.

Setengah-setengah cerita mengatakan bahawa nama Bandar Penggaram ini diambil daripada perkataan penggaram(an). Ini disebabkan bandar ini kerap ditenggelami air yang sedikit-sedikit bercampur air masin. Batu Pahat terletak kira-kira lima belas kilometer dari laut. Cerita yang lain pula menyebut bahawa nama Penggaram itu mengambil sempena nama asal tempat itu iaitu Pangkalan Jeram. Sejak bilakah nama Pangkalan Jeram itu wujud tidak diketahui.



Perigi Batu Pahat yang berusia kira-kira 550 tahun ini juga dikenali sebagai Perigi Siam. Perigi ini terletak di tebing Sungai Batu Pahat, di pekan Minyak Beku.

Bandar ini sangat penting kerana merupakan tempat persinggahan bagi mereka yang dalam perjalanan ke utara dan juga sebaliknya. Hakikat ini telah menyebabkan bandar ini berkembang dengan pesat.

BUKIT KEPONG

Penduduk asal Bukit Kepong terdiri daripada masyarakat orang asli, dan diikuti pula oleh orang Melayu. Pada zaman itu Bukit Kepong hanya dapat dihubungi dengan memudiki Sungai Muar, melalui Grisek dan Lenga.

Kedatangan orang Cina ke Bukit Kepong dikatakan bermula pada tahun 1897. Mereka ke situ dengan tujuan membuka ladang gambir dan lada hitam. Tauke Cina yang pertama datang ke situ bernama

Koh Ah Wai.

Menurut cerita, nama Bukit Kepong diambil bersempena kedudukan sebuah bukit di situ yang kelihatan seolah-olah dikelung oleh beberapa buah bukit yang lain.

Bukit Kepong dalam jajahan Muar akan sentiasa membawa kita kembali ke lipatan sejarah hitam negara kita.

Pistiwa yang berlaku itu menggambarkan kepada kita jiwa patriotik dan semangat keperwiraan

Pondok Polis Bukit Kepong yang ada sekarang ini dikelilingi kubu yang diperbuat daripada papan dan batu. Kubu ini dibina dalam tahun 1951 kira-kira 100 meter dari tapak balai yang asal.





Pemandangan Pondok Polis Bukit kepong yang ada sekarang dilihat dari tapak Balai Polis Bukit Kepong yang diserang pada 23 Februari 1950. Balai Polis yang lama itu sudah tiada lagi. Usaha kini sedang dijalankan untuk memulihara tempat ini sebagai satu peringatan kepada kita akan semangat juang dan patriotisme mereka yang mendahului kita.

rakyat negara kita yang ingin bebas dari penindasan.

Anggota-anggota polis dan orang awam yang terlibat bebas membuat keputusan untuk tidak menyerah diri kepada gerombolan komunis yang menyerang Balai Polis Bukit Kepong pada 23 Februari 1950. Malah pihak pegganas telah memberikan peluang kepada mereka untuk meninggalkan tempat itu dan memberi jaminan yang mereka tidak akan diapa-apakan. Tetapi mereka telah memilih untuk berjuang hingga titisan darah terakhir. Meskipun kemungkinan besar setiap satu daripada mereka akan gugur di tangan musuh yang begitu ramai, wira-wira dan wirawati ini sanggup meneruskan perjuangan. Dalam hal ini pepatah Melayu yang berbunyi

'biar putih tulang...' amat tepat sekali bagi menyifatkan semangat mereka.

25 nyawa termasuk anggota polis dan orang awam termasuk wanita dan kanak-kanak telah terkorban dalam peristiwa ngeri itu. Turut musnah termasuk tiga buah bangunan iaitu Balai Polis Bukit Kepong, Balai Penghulu dan Berek Polis. Tiga anggota pasukan pegganas telah terbunuh dan 17 lagi tercedera. Pengorbanan mereka membawa erti yang besar kepada kita yang hidup bebas di negara yang merdeka ini.

Pengorbanan yang tidak ternilai itu akan sentiasa mengingatkan akan semangat jati yang terbit daripada jiwa yang ingin hidup bebas.

Kini penduduk Bukit Kepong hidup dalam keadaan aman dan damai.

GELANG PATAH

Gelang Patah terletak di tebing Sungai Pulai, kira-kira 20 kilometer ke barat Johor Bahru. Nama pekan ini dikatakan timbul ekoran peristiwa yang berlaku di situ.

Pada suatu hari, seorang wanita menaiki perahu menyeberangi Sungai Pulai untuk menziarahi sanak-saudaranya di seberang sungai itu. Ketika menaiki perahu itu dia meletakkan tangannya di birai perahu hingga jaring-jarinya mencecah air. Wanita itu memakai beberapa bentuk gelang emas. Sudah menjadi kelaziman wanita Melayu dahulu mengenakan pelbagai barang kemas apabila keluar kampung atau menghadiri sesuatu majlis keramaian.

Sungai Pulai tidak lebar dan tidak panjang. Namun di sungai itu ada banyak buaya. Malang tidak berbau bagi wanita itu. Ketika jaringnya sedang bermain-main di permukaan air

sungai itu tiba-tiba muncul seekor buaya.

Barangkali buaya itu telah lama mengekori perahu itu sambil memerhatikan kilauan emas daripada gelang emas di lengan wanita tersebut.

Buaya itu menerkam benda yang berkilau-kilau pada lengan wanita itu. Nasibnya masih baik. Pada saat itu juga wanita tersebut ternampak mulut buaya yang sudah ternganga. Dia terkejut besar dan segera menyentak tangannya dari permukaan air. Dia terselamat. Cuma, se bentuk gelang emas di lengannya yang telah patah kerana tersangkut pada gigi buaya. Gelang tersebut jatuh ke dalam air dan hilang bersama-sama dengan buaya itu. Entah mengapa buaya itu pun tidak timbul lagi selepas itu.

Sejak kejadian itu, kampung di tebing Sungai Pulai itu telah dinamai Gelang Patah.

GERSIK

Pekan Gersik (atau Gerisek) terletak di tebing Sungai Muar, kira-kira 30 kilometer dari bandar Muar. Gersik ialah pasir kasar atau kerikil. Bunyi pasir yang dipijak, terutama pasir di dalam sungai, juga disebut gersik.

Pada zaman dahulu anak sungai Gersik kononnya kaya dengan emas. Emas urai didapati di dalam pasir di sungai itu. Ramai orang yang datang ke situ untuk mendulang. Air sungai yang pada mulanya

jernih dan bersih telah bertukar menjadi keruh pekat kerana kegiatan mendulang itu. Lama-kelamaan emas yang banyak itu pun habis. Namun beberapa lama selepas itu orang masih mendulang sehingga benar-benar pasti semua emas yang ada di dasar sungai itu sudah ditemui manusia. Yang anehnya, selama mereka mendulang di situ tidak ada sesiapa pun yang terfikir untuk menamakan tempat itu. Mereka hanya

Pekan Gersik yang tertinggal dik arus pembangunan. Perhatikan rumah kedai papan yang telah dibina kira-kira 40 tahun dahulu dalam bandar yang hanya mempunyai sebatang jalan ini.



merujuk kepada tempat itu sebagai 'sungai'. Setelah semua emas di situ habis didulang barulah timbul nama Gersik.

Suatu hari, sekumpulan lelaki turun ke sungai itu untuk mendulang. Ketika tiba di tebing sungai itu lelaki yang bernama Wak Kassim berkata, "Kalau hari ini kosong juga, esok kita berangkatlah."

"Ya, aku setuju," sahut kawan-kawannya.

Hari itu nasib mereka sama seperti hari-hari sebelumnya. Yang diperoleh mereka cuma gersik, iaitu pasir kasar, serta bunyi yang dihasilkan apabila pasir itu diayak-ayak.

Lantaran itu Wak Kassim berkata: "Emasnya tiada, gersiknya banyak."

Mereka ketawa.

Tambah Wak Kassim, "Esok berangkatlah kita meninggalkan gersik ini."

Sejak itu sungai tersebut dirujuk sebagai Sungai Gersik dan perkampungan di tebingnya dinamai Kampung Gersik.

Bukit Tereh terletak tidak jauh dari Gersik. Bukit ini terkenal dengan legenda Long Mak Ku. Jalan ceritanya sama seperti jalan cerita Nakhoda Tanggang; cuma nama-nama watak dalam ceritanya sahaja yang berlainan.

GUNUNG LEDANG

Gunung Ledang juga dikenali sebagai Mount Ophir. Puncak Gunung Ledang setinggi 4,187 kaki pertama kali didaki oleh rombongan Dato' Luar pada tahun 1884. Tugas Dato' Luar ketika itu ialah menetapkan sempadan di antara Johor dan Melaka. Masalah sempadan telah menimbulkan perselisihan faham antara kedua-dua buah negeri ini. Kini kawasan gunung itu merupakan suatu kawasan tadahan air yang penting

bagi penduduk Melaka dan Muar. Di samping itu, Gunung Ledang juga popular di kalangan ahli-ahli kelab kegiatan luar.

Perkataan 'ledang' bermaksud 'cahaya samar' atau 'biru pucat'. Terdapat cerita yang mengatakan bahawa pada masa dahulu, Gunung Ledang merupakan tempat tinggal pari-pari atau dewa. Orang Melayu dan orang Cina percaya bahawa terdapat taburan emas sepanjang dasar gunung itu. Pada awal pagi,

Pekan Tangkak, pekan persinggahan terakhir yang paling dekat bagi mereka yang hendak mendaki Gunung Ledang.



sebaik-baik sahaja matahari terbit, pari-pari yang cantik akan muncul dan bermain berhampiran dengan pondok mereka. Menjelang tengah hari, apabila matahari berdiri tegak di atas kepala, pari-pari itu bertukar menjadi anak dara. Pada waktu senja, ketika matahari hampir terbenam, anak dara tadi bertukar menjadi perempuan tua. Dia memiliki 'harimau suci' sebagai temannya.

Ada orang yang mengatakan bahawa sesiapa yang memakan tumbuh-tumbuhan yang tumbuh berhampiran dengan kediaman pari-pari itu akan bertukar menjadi muda dan cantik. Beberapa ramai orang cuba untuk mendapatkannya tetapi semuanya gagal.



Pekan Tangkak dengan Gunung Ledang di latar belakangnya.

Suatu ketika, seorang lelaki telah sampai ke puncak gunung. Ketika mengumpulkan kayu, dia ternampak seekor harimau lalu mengeletar ketakutan dan kemudian jatuh pingsan. Sebaik-baik sahaja pulih, dia mendapati

seorang gadis cantik berada di sisinya. Dia dilayan dengan baik dan sewaktu hendak pulang, dia diberitahu supaya mengambil segumpal besar kunyit untuk dibawa pulang.

Sebaik-baik sahaja lelaki itu menuruni gunung tersebut, bungkusan yang digalasnya terasa semakin berat. Dia membuang sebahagian daripada kunyit tersebut. Apabila dia sampai di kaki gunung dilihatnya kunyit itu telah bertukar menjadi emas.

Gunung Ledang seringkali dikaitkan dengan legenda Puteri Gunung Ledang. Sultan Melaka iaitu Sultan Mahmud Shah kononnya telah jatuh cinta pada Puteri Gunung Ledang lalu mengutuskan satu

r o m b o n g a n untuk meminang puteri tersebut. Rombongan itu diketuai oleh Tun Mamad dengan diiringi oleh Laksamana dan Sang Setia. Apabila sampai di pertengahan jalan ke puncak gunung itu, mereka berasa terlalu penat untuk terus mendaki.

Tun Mamad pun berkata kepada

Laksamana dan Sang Setia, "Berhentilah di sini dahulu, Orang Kaya. Biar hambayang naik ke atas."

Laksamana dan Sang Setia bersetuju. Tun Mamad pun mendakilah bersama-sama dua orang pengikutnya.

Mereka sampai di sebuah taman yang dipenuhi bunga-bunga yang beraneka jenis. Berbunyilah segala mergastua dan kayu-kayan yang ada di situ untuk menyambut kedatangan Tun Mamad. Bunyi itu bermacam-macam; ada yang seperti bersyair, ber bait, berseloka dan bergurindam. Limau manggar bersorak, angerik mengilai, delima tersenyum dan bunga mawar berpantun serta berseloka.

Tun Mamad hairan mendengar bicara taman itu lalu berjalan ke tengah-tengahnya. Di situ beliau bertemu sebuah balai. Semua perkakas balai itu diperbuat daripada tulang dan atapnya daripada rambut. Di balai itu ada seorang perempuan tua yang sangat peramah. Dia sedang mengampai kain kendong. Empat perempuan muda yang cantik-cantik belaka sedang menghadapnya.

Maka bertanyalah perempuan tua itu kepada Tuan Mamad, "Orang mana kamu ini dan hendak ke mana?"

Jawab Tun Mamad pula, "Kami ini orang Melaka. Nama hamba Tun Mamad... dititahkan oleh Sultan Mahmud Shah supaya masuk meminang Puteri Gunung Ledang. Laksamana dan Sang Setia ada menunggu di kaki gunung. Tuan hamba siapa?"

"Nama hamba Dang Raya Rani. Hambalah ketua inang tuan puteri. Tunggulah di sini, biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba itu kepada tuan puteri."

Perempuan tua itu pun menghilang bersama keempat-empat perempuan muda yang sebentar tadi berada di

hadapannya.

Sejurus kemudian, muncul pula seorang perempuan tua yang bongkok tiga. Dia berkata kepada Tun Mamad, "Adapun segala kata tuan hamba itu sudah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani kepada tuan puteri. Puteri itu menitahkan hamba memberi pesanan ini: 'Jikalau Raja Melaka hendakkan aku, perbuatkanlah aku jambatan emas satu dan jambatan perak satu, dari Melaka ke Gunung Ledang. Peminangnya pula ialah hati nyamuk tujuh dulang, hati kuman tujuh dulang, air mata setempayan, air pinang muda setempayan, darah anak raja yang bernama Raja Ahmad semangkuk.' Jika ada sedemikian, tuan puteri akan mengabulkan kehendak Raja Melaka itu."

Sesudah berkata demikian perempuan tua bongkok tiga itu pun ghaib. Ada riwayat yang mengatakan bahawa perempuan tua yang berkata-kata itu sebenarnya adalah Puteri Gunung Ledang sendiri yang telah menjelma sebagai perempuan tua bongkok tiga.

Sultan Mahmud Shah bersedia memenuhi segala kehendak Puteri Gunung Ledang kecuali darah anakandanya, Raja Ahmad. Baginda tidak sampai hati untuk melakukan demikian. Lantaran itu perkahwinan Sultan Mahmud Shah dan Puteri Gunung Ledang tidak dapat dilangsungkan. Walau bagaimanapun, baginda berwasiat bahawa apabila baginda mangkat nanti jenazah baginda hendaklah dimakamkan di gunung tersebut.

JEMENTAH

Pekan kecil Jementah terletak dua puluh kilometer ke barat daya bandar Segamat, dalam perjalanan ke Tangkak. Kebanyakan penduduknya bekerja di sektor pertanian, terutamanya dalam perladangan getah dan kelapa sawit.

Menurut cerita, nama Jementah muncul tidak lama selepas tempat itu diteroka. Pada suatu hari, beberapa keluarga yang membuka kampung itu telah bergoyong-royong

untuk membersihkan semak samun dan rumput di pinggir kelompok rumah mereka. Bahaya patukan ular dan gigitan kala jengking pasti berkurang jika halaman rumah sudah terang.

Namun sehari kemudian, semak samun yang ditebas oleh mereka itu sudah tumbuh besar semula, dan rumput-rampai yang dibersihkan sudah panjang semula. Hal demikian menghairankan penduduk di situ.

Suasana semasa cuaca redup di Pekan Jementah. Yang kelihatan berbalam di latar belakangnya ialah Gunung Ledang.



Oleh kerana terlalu hampa dengan kejadian yang berulang itu, salah seorang daripada mereka berkata, "Buat apa kita menebas menebas kalau dalam sehari sudah balik seperti asalnya."

Sampuk seorang lagi, "Kalau begini jadinya setiap kali dibersihkan, orang pun naik jemu dan muntah."

Daripada ungkapan 'jemu' dan 'muntah' itulah dikatakan timbulnya nama Jementah. Walau bagaimanapun, ada orang yang berpendapat bahawa 'jemu' itu tidak dipadankan dengan 'muntah' tetapi dengan 'entah'. Perkataan 'entah' di sini dipercayai menyirat maksud 'entah-entah tumbuh lagi semak samun itu selepas dibersihkan semula'.

Menurut satu cerita lain - yang sukar dipercayai - asal nama Jementah itu dikaitkan dengan peniaga Cina yang pertama menjejak kaki ke situ. Peniaga Cina itu bernama Jan Tan Ah! Kedai yang dibukanya menjadi tumpuan penduduk di situ yang semuanya berbangsa Melayu. Lama-kelamaan kawasan di sekitar kedainya itu cuma dirujuk sebagai Jan Tan Ah yang akhirnya bertukar menjadi Jementah. Jika cerita ini benar, maka tidak ada orang yang tahu bagaimana 'Jan Tan Ah' boleh bertukar

kepada 'Jementah' sedangkan perbezaannya amat ketara.

Menurut sejarah, pada tahun 1879, Sultan Ali telah menyerahkan jajahan Kesang yang diperintahnya kepada anak sepupu baginda, Sultan Abu Bakar. Penyerahan itu telah ditentang oleh puteranya (Sultan Ali) Tengku Alam. Beliau dengan pengikut-pengikutnya telah melancarkan satu pemberontakan dan berjaya menawan perkampungan Jementah. Penghulu Jementah telah dapat melarikan diri ke Kuala Muar dan menyampaikan berita tentang pemberontakan itu kepada Sultan Abu Bakar yang sedang bersemayam di Muar.

Satu pasukan bersenjata segera dikejar dari Muar ke Jementah untuk merampas perkampungan itu kembali. Walau bagaimanapun, percubaan itu gagal. Kemudian satu pasukan yang dipimpin oleh Dato' Bentara Luar pula telah dihantar ke Jementah. Kali ini pertahanan pemberontakan itu berjaya dimusnahkan.

Dengan itu berakhir tuntutan Tengku Alam terhadap daerah Kesang. Pemberontakan itu disebut oleh penduduk tempatan sebagai Perang Jementah.

KANGKAR (BUKIT)

Beberapa banyak tempat di Johor sekarang wujud sebagai peninggalan zaman perladangan tanaman gambir dan lada hitam, dua komoditi yang sangat penting bagi ekonomi negeri Johor pada suatu masa dahulu. Kawasan-kawasan ladang gambir dan lada hitam itu biasanya memakai perka-

dan Kangkar Ayer Masin.

Perkataan 'kangkar' sebenarnya bermaksud kaki tebing sungai dalam bahasa Cina, dialek Hokkien. Kangkar sebenarnya kelompok perkampungan keluarga Cina yang biasanya terdiri daripada satu-satu suku tertentu. Ahli-ahli keluarga itu bekerja di ladang. Mereka berkhidmat

di bawah seorang ketua yang bergelar Kangcu.

L a d a n g gambir dan lada hitam kebanyakannya terletak di kawasan hulu, biasanya di lereng-lereng bukit di antara dua batang sungai. Tiap-tiap kawasan demikian diperolehi melalui suatu sistem pajakan. P e m a j a k n y a membayar cukai

tan 'Kangkar' di hadapan namanya. Contohnya Kangkar Pulai, Kangkar Kabang, Kangkar Baharu

kepada kerajaan sebagai pampasan menggunakan tanah itu untuk berladang.

Pekerja-pekerja ladang

Jalan masuk ke pekan Bukit Kangkar.



terikat pada kuasa Kangcu. Kangcu memiliki kuasa yang luas. Kuasanya itu diiktiraf oleh pentadbir atau kerajaan kerana kawasan perladangannya diusahakan secara sah. Kangcu boleh mengambil apa-apa tindakan yang dirasakan perlu, sama ada untuk menjaga kepentingan ladangnya, pekerja-pekerjanya, atau dirinya sendiri. Kerajaan jarang campur tangan dalam hal-hal yang timbul dalam sesebuah kangkar itu. Pendek kata seseorang kangcu merupakan kuasa atau orang yang muktamad untuk mereka mengadu hal

Sistem Kangchu

Sistem Kangchu telah membawa kemakmuran kepada Johor. Sistem yang diasaskan pada awal abad ke-19 ini telah berjaya mengukuhkan kedudukan Johor sebagai negeri yang paling kukuh ekonominya hingga ke hujung abad tersebut.

Kangchu bermakna pemilik atau pemajak sungai dalam dialek Hokkien. Sistem ini sangat berjaya. Tujuan asalnya ialah untuk membuka tanah bagi membolehkan penanaman lada hitam dan gambir, dua komoditi yang mendapat pasaran yang baik pada masa itu.

Orang Cina yang datang secara beramai-ramai pada masa itu digalakkan menjalankan perusahaan lada hitam dan gambir. Petempatan baru berkembang daripada perkampungan ini.

Perkampungan yang bermula daripada beberapa buah bangsal sementara ini akhirnya berkembang menjadi kangkar. Kangchu yang diberi kuasa ke atas kawasannya melalui surat kuasa yang disebut 'Surat Sungai' yang dikeluarkan oleh kerajaan Johor. Seseorang Kangchu hanya diberi kebenaran mengusahakan tanah seperti yang telah dipersetujui. Mereka mempunyai monopoli dalam pelagaan seperti menjual arak, makanan

dan sebagainya. Segala yang diputuskan olehnya adalah muktamad.

Kangcu menguasai semua kegiatan ekonomi di kangkarnya, yang baik mahupun yang buruk. Misalnya, dia mengawal segala aktiviti perjudian, penjualan minuman keras, hak menguruskan perniagaan pajak gadai, dan sebagainya.

Pada tahun 1911, kerajaan menghapuskan Sistem Kangchu. Akan tetapi, perkataan kangkar diabadikan di hadapan nama beberapa banyak tempat di Johor.

hak-hak pajak gadai dan membuka tempat-tempat perjudian. Dia juga mendapat dalai iaitu komisyen daripada eksport lada hitam dan gambir. Dia juga mendapat dalai daripada barang-barang yang diimport seperti beras dan sebagainya.

Dalam tahun 1873 tanggungjawab kangchu menjadi lebih jelas dengan berkuatkuasanya undang-undang yang berkaitan dengan kuasa dan tanggungjawab kangchu.

Undang-undang atau kantan ini mengandungi 81 fasal. Antara perkara penting yang diliputi oleh undang-undang ini ialah tanggungjawab kangchu dalam menjaga :-

- Keselamatan kangkarnya
- Mencegah penyeludupan
- memeriksa kebun dalam kawasan di bawah jagaannya.

Dalam tahun 1911, sistem ini dibubar. Ini disebabkan dua punca utama. Yang pertama ialah kekurangan tenaga buruh yang diperlukan untuk mengendalikn ladang-ladang gambir dan lada hitam. Sebab yang kedua ialah kepentingan getah dalam ekonomi Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa itu industri motokar sedang meningkat. Harga getah melambung. Minat terhadap penanaman gambir dan lada hitam turut terjejas.

KELUANG

Bandar Keluang (atau Kluang) terletak di tengah-tengah negeri Johor. Bandar ini tidak setua bandar Muar atau Batu Pahat. Sehingga 1930, Keluang adalah sebahagian daripada daerah Johor Bahru.

Asalnya kawasan Keluang hanyalah sebuah hutan rimba yang diduduki oleh orang asli suku Jakun yang berkampung di kawasan antara hulu cabang Sungai Endau iaitu Sungai Keluang dan Sungai

Semberung, Batu Pahat. Sebab itulah jajahan dan bandar ini dinamakan Keluang.

Tetapi dari manakah munculnya nama Sungai Keluang itu? Ada cerita yang menyebut nama itu berasal daripada mamalia terbang yang kepalanya menyerupai anjing. Keluang serupa dengan kelawar, tetapi jauh lebih besar. Keluang memakan buah-buahan terutama pada waktu malam. Ada cerita mengatakan bahawa nama

Pemandangan di jalan utama di bandar Keluang.



bandar ini demikian kerana Gunung Lambak yang terletak berhampiran dengannya berbalam dalam bentuk keluang. Gunung Lambak mempunyai kemuncak berkembar yang kelihatan seperti keluang dengan kepalanya bertunduk.

Cerita lain mengatakan, bandar Keluang mendapat namanya daripada Keluang Kampung [sic] yang dipercayai kampung tertua di daerah itu. Nama Keluang Kampung pula dikatakan lahir daripada haiwan terbang itu.

Keluang Kampung bermula sebagai sebuah dusun. Penerokanya datang ke kawasan itu kerana tertarik dengan tanahnya yang subur. Tanaman di kebun mereka sangat menjadi. Tiap-tiap tahun durian, langsung dan rambutan berbuah dengan lebat sekali. Namun untuk merasa hasil dusun durian, mereka terpaksa berebut dengan tupai, dan hasil kebun rambutan dengan keluang.

Semua tupai yang memakan durian berjaya dibedil. Maka selesailah masalah tupai. Walau bagaimanapun, masalah keluang tidak begitu mudah diatasi. Mereka telah mencuba memasang orang-orang di puncak pokok rambutan untuk menakutkan keluang tetapi gagal. Keluang tidak mudah tertipu, tambah-tambah lagi kerana derianya amat tajam pada waktu malam.


Akhirnya pekebun di situ bersetuju untuk meminta pertolongan daripada seorang pawang. Pawang itu menilik punca masalah keluang itu dan memberitahu bahawa dia terpaksa mengadakan satu upacara khusus di sebuah bukit yang terletak berhampiran dengan kebun mereka.

Katanya, dari bukit itulah datangnya keluang yang banyak itu. Pawang itu berjaya memujuk semua keluang yang bersarang di situ supaya tidak mengganggu dusun mereka. Sejak dari itu mereka memanggil kawasan dusun mereka itu sebagai Keluang Kampung.

Dalam tahun 1915, depot Jabatan Kerja Raya dibuka di bandar ini. Pada masa itu orang Cina mula datang secara beramai-ramai ke Keluang. Mereka bekerja memotong kayu balak, membuat landasan kereta api, membina jalan raya dan membuka hutan. Ada juga yang



Bahagian lama bandar Keluang yang sejajar dengan landasan kereta api. Bangunan di tengah ini dibina dalam tahun 1928 iaitu ketika Keluang baru dibuka.



Puncak berkembar
Gunung Lambak
dilihat dari sebuah
anak bukit di
bandar Keluang.

berkebun sayur. Keluang mula berubah. Kemudian mereka membina bangunan-bangunan dan kedai-kedai untuk menjalankan perniagaan di sini.

Jalan raya yang dibina oleh pihak Jabatan Kerja Raya (pada masa itu *Public Works Department*) siap dalam tahun 1919. Jalan raya ini menghubungkan bandar ini dengan bandar-bandar lain seperti Mersing, Air Hitam, Renggam dan juga Batu Pahat. Perhubungan yang mudah ini telah membuat bandar ini berkembang dengan pesat. Dalam tahun 1919, kerajaan negeri tela melantik seorang pegawai daerah untuk mentadbirkan hal-hal yang perlu di bandar yang baru ini. Namun begitu hal-hal yang

berkaitan dengan tanah masih diuruskan di Johor Bahru. Pejabat Tanah Keluang hanya dibuka dalam tahun 1931.

Pada tahun 1915 juga ada cadangan dibuat supaya ibu negeri dipindah dari Johor Bahru ke Keluang. Ini adalah kerana kedudukan bandar baru yang terletak di tengah-tengah negeri Johor. Tetapi rancangan itu ditolak oleh Majlis Mesyuarat Negeri yang diadakan dalam tahun berikutnya. Pembatalan rancangan ini dibuat atas nasihat pegawai Inggeris yang memberi sebab bahawa Johor Bahru terletak berhampiran dan mempunyai hubungan sejarah dan ekonomi yang rapat dengan Singapura.

KOTA TINGGI

Menurut Tun Seri Lanang, pengarang *Sejarah Melayu*, Sultan Abdul Jalil Riayat Shah II memindahkan tapak pemerintahan baginda dari Seluyut (yang juga dikenali dengan nama Kota Batu) ke Tanah Puteh yang juga disebut Batu Sawar. Batu Sawar diserang beberapa kali oleh Portugis. Tetapi serangan-serangan tersebut dapat dipatahkan dengan mudah. Banyak tentera Portugis yang terkorban di situ.

Makam kerabat diraja Johor di Kampung Makam, Kota Tinggi.



Kota Tinggi ialah sebuah bandar bersejarah. Malah Kota Tinggi merupakan salah satu tempat yang paling tua di Johor. Terdapat banyak peninggalan sejarah di tempat ini. Bandar yang bersejarah ini terletak kira-kira 35 kilometer dari bandar raya Johor Bahru. Seperti yang sedia tergambar, nama bandar ini dikaitkan dengan pembinaan sebuah kota. Kota itu dibina tinggi di tebing Sungai Johor dan

melingkungi sebuah kampung yang dinamai Kampung Makam. Kota ini pada mulanya dibina untuk menangkis serangan Portugis. Ketika itu askar Portugis sedang memburu kerabat sultan Melaka yang masih bercita-cita untuk merampas kembali kota mereka yang jatuh ke tangan Portugis dalam tahun 1511. Bersempena tempat yang tinggi itu, tempat ini mendapat nama Kota Tinggi. Sebelum kota itu dibina, kawasan Kota

Tinggi sebuah kampung yang diliputi belukar.

Di sekitar daerah Kota Tinggi terdapat beberapa makam diraja. Salah satu daripadanya terletak di Kampung Makam. Di situ dapat dilihat lima belas makam kerabat diraja Johor. Antaranya, ialah Makam Sultan Mahmud II, Makam Sultan



(Atas) Kubu Kota Tinggi. Tidak seperti dibayangkan oleh kebanyakan orang kubu ini tidak diperbuat daripada batu. Kota kubu ini hanya merupakan timbunan tanah. (Bawah) Masjid makam diraja Kota Tinggi.



Abdullah Shah (sultan Johor yang ketujuh) dan Sultan Abdul Jalil (sultan yang kelapan).

Kota Tinggi terkenal sejak kira-kira 400 tahun dahulu. Tempat ini pernah menjadi pusat pemerintahan Kerajaan Empayar Melayu Johor-Riau dan terus membangun selepas Batu Sawar ditinggalkan. Di sekeliling dan juga selari dengan benteng kota ini dibina parit mengikut sistem pertahanan zaman itu.

Ketika Empayar Melayu Johor-Riau sedang berkembang Sungai Johor yang mengalir melalui Kota Tinggi menjadi tumpuan pedagang-pedagang, angkatan tentera dan pengunjung pelbagai bangsa seperti pedagang-pedagang dari China, Siam, Kemboja, Burma dan juga seluruh Kepulauan Melayu. Orang Eropah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris juga pernah ke situ. Dalam pada itu banyak juga angkatan tentera dari Aceh, Jambi, Belanda dan lain-lain lagi yang cuba menghapuskan kerajaan ini.

Di Batu Sawar dapat dilihat kesan sebuah kota yang dibina pada tahun 1587. Setahun selepas pembinaannya, kota itu diserang oleh angkatan Portugis. Beberapa pucuk senapang dan meriam telah dirampas oleh tentera Portugis.

Kota ini diduduki semula apabila kerosakan yang dialaminya telah dibaiki.

Pada tahun 1613, angkatan perang Aceh pula yang menyerang kota ini. Angkatan Aceh itu diketuai oleh Sultan Iskandar Muda (Mahkota Alam). Sultan Alauddin, yang memerintah ketika itu bersama-sama dengan beberapa orang pembesar baginda telah ditawan. Walau bagaimanapun, Kota Batu Sawar telah diserahkan semula kepada Sultan Alauddin. Pada tahun 1615, kota ini sekali lagi diserang oleh angkatan Aceh. Sultan Alauddin ditawan dan kemudian dihukum bunuh di Aceh.

Kira-kira lima belas kilometer ke hilir Kota Tinggi terletak Bukit Tukul. Nama bukit ini dikatakan diambil daripada nama sejenis ikan iaitu ikan tukul. Ikan tukul itu kononnya telah mati kerana tidak mahu berenang ke tempat lain seperti ikan-ikan lain walaupun air sungai di situ sudah hampir kering.

Sultan Abdul Jalil Riayat Shah mendirikan sebuah kota di atas Bukit Tukul. Kota itu dinamakan Kota Panchor. Pekan yang kemudian membangun di sekitarnya juga dikenali sebagai Pekan Panchor.

KULAI

Pekan Kulai terletak kira-kira 30 kilometer ke barat laut Johor Bahru. Asal nama pekan ini dikaitkan dengan lawatan Sultan Ibrahim ke situ. Baginda gemar berburu. Suatu hari baginda telah pergi ke kawasan ini. Kedatangan baginda ke situ turut disambut oleh masyarakat Cina, masyarakat yang terbesar di situ. Ceritanya, salah

seorang daripada ketua masyarakat Cina yang menyambut kedatangan baginda telah tersasul lalu menyebut: "Engku, lai." Lelaki itu sebenarnya bermaksud untuk mempelawa baginda sultan dengan ucapan: "Tuanku, persilakan."

Daripada peristiwa itu maka kekallah nama tempat itu sebagai 'Kulai', iaitu kependekan 'Engku

Sebuah kuil Cina di Kulai.



KUNDANG ULU

Kundang Ulu sebuah perkampungan kecil yang terletak kira-kira empat puluh kilometer dari bandar Muar. Menurut ceritanya, kampung ini dibuka dalam tahun 1502, iaitu pada zaman kesultanan Melaka. Pembukanya dikatakan seorang tokoh dari Minangkabau yang bernama Saujana. Ketika Saujana tiba di situ dia menemui sebatang pokok

kundang yang sangat lebat buahnya. Dia yakin tempat itu subur. Tanpa berfikir panjang dia mengambil keputusan untuk berkampung di situ dan menamakannya bersempena pokok kundang tersebut. Perkataan 'ulu' ditambahkan beberapa lama kemudian. Kundang Ulu telah dilanda banjir besar pada tahun-tahun 1925, 1950 dan 1970.

*Sekolah Menengah
Tengku Temenggong
Ahmad*



LABIS

Pekan Labis di daerah Segamat terletak di tebing Sungai Labis, anak Sungai Muar. Kawasan Labis pada masa dahulu dihuni oleh orang asli. Mereka hidup dengan berburu dan bercucuk tanam. Air minum mereka diambil daripada anak sungai itu.

Dalam musim hujan kegiatan perburuan sering tergendala. Bukanlah mudah untuk meyumpit atau menjerat binatang dalam musim hujan. Oleh

sebab itu, pada musim ini orang asli keluar menangkap ikan di sungai. Air di hulu anak sungai itu tidak begitu dalam atau berbahaya. Lagipun ikan bakar sedap rasanya jika dimakan dengan ubi.

Pada suatu musim hujan, Pak Tumba diserang demam. Namun dia masih mampu berjalan-jalan. Akan tetapi, walaupun hujan turun renyai-renyai sekalipun, Pak Tumba tidak dapat keluar dari pondoknya, apalagi untuk pergi

berburu. Orang yang tidak sihat tidak digalakkan keluar berburu. Mengikuti kepercayaan orang asli, pemburu yang tidak sihat lebih mudah menjadi mangsa daripada mencari mangsa.

Pada suatu hari, hujan turun dengan lebat sekali. Pak Tumba berselimum dan berdiang di hadapan unggun api

Rumah-rumah kedai lama di pekan Labis.



bersama-sama keluar-ganya sambil menikmati ubi rebus.

"Sudah seminggu tak dapat makan daging," kata isteri Pak Tumba secara tiba-tiba.

Pak Tumba tidak berkata apa-apa. Dia faham maksud isterinya. Dia tahu isterinya sudah banyak bersabar. Dia juga tahu bahawa bukannya mudah untuk mencari binatang buruan dalam musim hujan seperti itu. Kawan-kawannya yang keluar berburu juga cuma kadang-kadang sahaja berhasil. Yang dapat diburu pun cuma binatang-binatang kecil, cukup untuk keluarga masing-masing sahaja. Tiada yang berkaki yang boleh dihulurkan kepada jiran-jiran.

"Keluar memancing pun tak bolehkah?"

tanya isterinya.

"Biar budak-budak ini yang mencari cacing umpan."

Anak-anak Pak Tumba memang gemar bermain hujan sambil menggali cacing. Mahu tidak mahu Pak Tumba terpaksa ke sungai juga. Dalam hujan lebat itu cuma Pak Tumba yang keluar mengail. Untungnya, Pak Tumba tidak perlu berebut kawasan sungai yang sudah diketahui tempat ikan bermain.

Menggigil-gigil badan Pak Tumba semasa melemparkan mata kailnya ke

dalam sungai. Seperti yang disangkankannya, di dalam hujan yang terlalu lebat begitu memang sukar untuk mendapat ikan.

Setiap kali Pak Tumba menarik tali kailnya naik ke darat didapati umpan kailnya itu sudah tiada. Entah bila cacing umpannya itu dibaham ikan tidak disedarinya. Oleh sebab itu Pak Tumba sangat gembira apabila akhirnya dia dapat merasa sesuatu menyentak tali kailnya.

Tentu besar ikan ini, fikir Pak Tumba ketika menarik tali yang terasa berat itu. Benda di hujung talinya itu meronta-ronta untuk lepas lari. Dengan terketar-ketar Pak Tumba menarik tali kailnya. Akan tetapi, 'ikan' itu meronta semakin kuat.



Kampung orang asli di Hulu Juasseh, tidak jauh dan Empangan Hulu Juasseh.

Pak Tumba mempercepat tarikannya supaya tali kailnya itu tidak terbelit pada akar-akar yang berselirat di tebing sungai.

Pak Tumba terperanjat besar apabila

'ikan' itu ditarik naik ke darat. Yang disangkakan ikan itu sebenarnya seekor labi-labi. Tidak seperti ikan, labi-labi terus menelan umpan dan mata kail Pak Tumba. Maka, labi-labi itu tidak dapat berenang lari kecuali jika tali kail Pak Tumba putus. Pak Tumba juga tidak dapat terus mengail kerana kailnya sudah tidak bermata.

Pak Tumba pulang ke pondoknya dan menceritakan apa yang terjadi kepada isterinya. Isterinya naik berang, bercampur geli hati.

"Sudahlah ikan tidak dapat. Demam awak semakin menjadi!" tegur isterinya.

Apabila cerita tentang labi-labi itu diketahui oleh kawan-kawannya, Pak Tumba sekali lagi ditertawakan. Sejak itu mereka menamakan anak Sungai Muar tempat Pak Tumba mengail itu sebagai Labi-labi.

Apabila orang Melayu mula sampai ke kawasan itu, mereka turut menggunakan nama Labi-labi itu untuk merujuk kepada kampung yang membangun di tebing sungai tersebut. Kemudian, nama Labi-labi itu dipercayai diringkaskan kepada 'Labi' atau 'Lelabi'.

Balai Polis Labis.



Nama 'Labis' yang ada sekarang dipercayai berpunca daripada penggunaan bahasa Inggeris bagi merujuk pada tempat ini. Mereka telah mengimbuhkan 's' di hujung perkataan 'Labi', mungkin sebagai penanda penyingkatan 'labi-labi' bagi menunjukkan banyak. Umpamanya seekor kuda disebut *horse*, manakala banyak kuda pula disebut *horses*. Orang Inggeris telah melakukan perkara yang serupa dalam hal memberi nama pada pekan Dinding di Perak. Dahulu tempat itu dinamai 'Dindings' tetapi kini huruf 's' pada hujung nama tempat ini telah pun digugur. Namun Labis tetap kekal sebagai Labis. Mungkinkah perubahan yang sama seperti di Dinding akan dilakukan satu hari nanti pada nama Labis? Mungkinkah Labis akan bertukar menjadi Labi?

Labis merupakan daerah pengeluar getah dan kelapa sawit yang penting di Johor. Dalam tahun 1963-64, Labis menjadi tumpuan rakyat Malaysia. Pada masa itu, Persekutuan Malaysia yang menggabungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah, Sarawak dan Singapura baru berusia satu tahun. Indonesia dan juga Filipina membantah penggabungan tersebut dan mendakwa sebahagian Sabah dan Sarawak adalah wilayah negara mereka.

Banyak komando Indonesia dipayung terjunkan di daerah Labis. Polisi Presiden Soekarno yang lebih dikenali sebagai 'Ganyang Malaysia' mencapai kemuncaknya dalam tahun-tahun tersebut. Memandangkan jumlah penduduk Indonesia dan kuasa tenteranya yang begitu besar, banyak rakyat Malaysia berasa terugat. Tetapi mujurlah persengketaan itu dapat diselesaikan secara damai.

MERSING

Pekan Mersing terletak di pesisiran Laut Cina Selatan, kira-kira 160 kilometer ke utara Johor Bahru. Pekan ini terkenal sebagai sebuah pusat perikanan dan pangkalan pelancongan. Dari pekan ini pelancong boleh menaiki bot penambang atau feri ke pulau-pulau percutian yang masyhur di luar pantainya, terutama Pulau Tioman dan Pulau Rawa.

Ada tiga cerita popular tentang kemunculan nama

Mersing. Cerita pertama mengaitkan nama pekan ini dengan pokok mersinga yang juga disebut sebagai pokok gandang dan merpuing. Pada masa dahulu, pantai di tapak pekan ini dikatakan ditumbuhi beberapa banyak pokok mersinga. Oleh itu, kawasan tersebut telah dinamakan 'Mersinga' oleh orang yang menerokanya. Lama-kelamaan, 'Mersinga' berubah menjadi 'Mersing'.

Cerita kedua pula mengatakan nama pekan ini mengambil sempena seorang Sikh, Amer Singh. Amer Singh dikatakan seorang pesuruh sultan Pahang. Dia telah melakukan satu kesalahan besar di istana yang menyebabkan sultan murka. Amer Singh terpaksa melarikan diri. Dia belayar ke arah selatan dan

Jeti ke Pulau Tioman di pekan Mersing.




bersembunyi di kawasan yang kemudian memakai namanya. Daripada pelat sebutan orang tempatan, 'Amer Singh' bertukar menjadi 'Mersing'.

Cerita ketiga pula mendakwa nama Mersing lahir daripada sebuah kisah cinta. Seorang gadis tempatan, Seri Mersing menjadi rebutan. Gadis itu jatuh cinta pada

seorang pemuda perantau bernama Awang. Awang berasal dari Pahang. Akan tetapi, bapa Seri Mersing telah bersetuju untuk mengahwinkan anak gadisnya itu dengan anak penghulu kampung itu. Pemuda itu sudah sekian lama menaruh hati pada gadis yang jelita itu.

Fitnah dilemparkan sebagai alasan untuk menyeksa anak dagang itu. Namun, akhirnya Awang berjaya membuktikan kemurnian hatinya. Dia kembali disayangi penduduk di situ. Bapa Seri Mersing pula bersetuju untuk meng-



Bot-bot nelayan dan feri penumpang ke Pulau Tioman di Jeti Mersing.

ambil Awang sebagai menantunya tetapi Awang sudah serik dengan sikap penduduk kampung itu. Awang tetap dengan keputusannya untuk pulang ke Pahang. Tinggallah Seri Mersing untuk meratap kehilangan kekasihnya.

Daripada legenda itulah dikatakan lahir nama Mersing dan pantun:

*Seri Mersing lagu Melayu,
Digubah oleh biduan dahulu,
Hatiku runsing bertambah pilu,
Menganangkan nasib dagang piatu.*

MUAR

Bandar Muar atau Bandar Maharani yang terletak di muara Sungai Muar adalah bandar yang kedua terbesar di Johor. Bandar ini ialah ibu daerah Muar yang dikatakan daerah tertua di Johor.

Menurut Martin Lister, perkataan 'muar' mungkin diambil daripada perkataan Melayu 'muak' yang bermaksud 'menjemukan'. Kononnya orang di situ sering mengeluarkan ungkapan seperti 'sudah muak aku mudik sungai

ini!'. Maka daripada perasaan jemu mereka itulah dikatakan lahirnya nama Muar.

Sejarah Muar ada banyak kaitan dengan sejarah Melaka. Parameswara yang dalam pelarian dari Temasik pernah singgah di Pagoh kini dalam daerah Muar sebelum meneruskan perjalanannya ke Melaka.

Parameswara adalah anak raja dari keturunan raja-raja Melayu di Bukit Seguntang Mahamiru,

Palembang di Sumatera. Sekitar tahun 1377 Parameswara yang juga bergelar Sultan Iskandar Shah memerintah Temasik. Setelah diserang bertubi-tubi kali oleh tentera kerajaan Majapahit yang dikerah oleh seorang panglima yang terkenal gagah perkasa iaitu

Bangunan Pejabat Tanah dan daerah di Muar.



Hayam Wurok, Temasik tertewas. Raja Iskandar Shah terpaksa berundur ke Seletar (di Singapura) sebelum ke Muar. Parameswara telah menetap di tempat yang kini dalam daerah Muar iaitu Biawak Busuk. Kononnya di tempat itu ada terlalu banyak biawak. Walaupun sudah banyak dibunuh, jumlah biawak di situ tidak juga berkurangan. Keadaan ini telah memaksa Parameswara dan rombongannya berpindah dari situ. Mereka pun mendirikan sebuah petempatan baru.

Di tempat itu juga berlaku satu perkara yang luar biasa. Menurut

ceritanya, kota yang mereka bina itu menjadi buruk sebaik sahaja malam menjelang. Mengambil sempena keadaan yang luar biasa itu mereka menamai tempat itu Kota Buruk. Dari tempat itu, Parameswara berpindah ke tempat lain pula. Kali ini mereka ke Sening Ujong (kini Sungai Ujong dalam Negeri Sembilan. Sening Ujong hanya menjadi tempat persinggahan sementara. Dari situ baginda berpindah pula ke tempat yang baru yang kemudiannya dinamai Melaka. Cerita berkenaan pembukaan Melaka tidak perlu lagi kita ceritakan di sini.

Selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis, Sultan Mahmud telah berundur ke Muar. Dari tahun 1515 hingga tahun 1523 baginda telah melancarkan beberapa serangan ke atas Melaka dengan tujuan merampas kembali kota itu. Malangnya usaha baginda gagal.

Selain daripada cerita di atas, asal nama Muar juga dikaitkan dengan perkataan 'muara', itu perkataan yang merujuk pada kedudukan tempat itu di muara sungai. Dalam bahasa Tamil, Muar dipanggil *mu-aru* yang bermaksud tiga sungai.



Batu yang menandakan Kubu Bentayan ini didirikan bersempena perayaan 100 tahun Muar. Kubu ini sebenarnya menandakan tempat kubu pertahanan terakhir Kesultanan Melaka semasa diserang Portugis dahulu. Kubu ini terletak kira-kira satu kilometer dari muara Sungai Muar. Di sinilah terletaknya Stesen Bas dan Teksi Muar.

Pada awal zaman pemerintahan Sultan Abu Bakar, Kuala Muar dikatakan merupakan sarang lanun. Baginda bertekad untuk mengubah keadaan itu supaya Muar menjadi kawasan yang aman dan makmur. Baginda meng-

galakkan orang Banjar dan Jawa untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Pada 12 Ogos 1887, Sultan Abu Bakar dengan disertai permaisuri baginda, Sultanah Fatimah melawat bandar Muar. Dalam lawatan itu baginda telah merasmikan 'pembukaan' bandar Muar dan memberikan nama baru pada tempat itu iaitu Bandar Maharani.

Dalam sejarah moden Muar pernah tercetus satu peperangan antara dua keluarga yang merebut takhta.



Makam tengku Ali di Umbai.

Peperangan ini tercetus akibat perebutan kuasa antara Tengku Alam (putera kepada Tengku Ali) dengan Maharaja Abu Bakar.

Pada 6 Februari 1819, Tengku Husein diisytihar sebagai sultan setelah perjanjian ditandatangani antara

Temenggung Abdul Rahman dengan Sir Stamford Raffles. Hak dan kedaulatan Sultan Husein ke atas Johor terjamin kerana mendapat sokongan daripada Temenggung Abdul Rahman yang mendapat sokongan padu daripada British yang pada masa itu sudah menduduki Singapura.

Pada tahun 1835, Sultan Husein mangkat di Umbai, Melaka. Selama lima tahun selepas kemangkatan Sultan Husein takhta kerajaan Johor dibiarkan

kosong. Hanya dalam tahun 1840, barulah Tengku Ali dilantik sebagai Sultan. Ini adalah kerana pihak British yang jelas sudah berkuasa, enggan mengiktiraf hak Tengku Ali. Dalam masa yang sama perbalahan antara keluarga Sultan Ali dan keluarga Temenggung Ibrahim untuk menduduki takhta kerajaan Johor semakin memuncak. Temenggung Ibrahim tidak mengiktiraf kedaulatan Tengku Ali. Di samping itu beliau juga telah berjaya mempengaruhi pegawai-pegawai dan saudagar British dan para pembesar tempatan memihak kepadanya. Akhirnya pada 10 Mac 1855, oleh sebab didesak masalah kekurangan pengaruh dan juga masalah kewangan Tengku Ali menandatangani satu perjanjian

lalu menyerahkan kedaultannya ke atas Johor kepada Temenggung Ibrahim dan keluarganya, manakala Muar pula akan terus kekal sebagai daerah di bawah takluk Tengku Ali dan keluarganya.

Apabila Temenggung Ibrahim meninggal dunia dalam tahun 1862,

beliau diganti oleh anakanda baginda, Abu Bakar. Pada mulanya beliau menggunakan gelaran Temenggung. Pada tahun 1868, beliau mengambil gelaran Maharaja. Cita-citanya jelas dilihat daripada pengisytiharan ini.

Rancangannya diatur dengan rapi. Maharaja Abu Bakar mengeratkan lagi hubungannya dengan pegawai dan saudagar British di Negeri-negeri Selat. Malah baginda dianugerahi gelaran 'Sir' oleh Ratu Victoria sebagai tanda penghormatan. Pada 20 Jun 1877, Sultan Ali mangkat di Umbai, Melaka. Kemangkatan baginda telah mencetuskan masalah pengganti hingganak jenazah baginda lewat dimakamkan. Ini berlaku kerana terdapat percubaan untuk menghalang pengisytiharan pengganti sultan. Menurut adat istiadat raja-raja Melayu, pengganti sultan mesti diisytiharkan sebelum jenazah dimakamkan. Walaupun demikian, Temenggung serta penghulu-penghulu Muar telah menandatangani surat kuasa yang memperakukan Tengku Alam sebagai pengganti kepada ayahanda baginda.

Sementara itu, Pemangku Gabenor Negeri-negeri Selat, Anson telah menghantar wakilnya, J. D. Douglas untuk menghadiri istiadat pemakaman tersebut. Kehadirannya dengan niat sulit iaitu untuk

menghalang pengisytiharan pengganti sultan. Sebaliknya beliau diarahkan supaya meletakkan Maharaja Abu Bakar sebagai pentadbir sementara daerah Muar.

Tidak lama selepas itu satu pemilihan mencari pemerintah Muar diadakan di Kuala Kesang. Dalam pemilihan tersebut para penghulu Muar telah dengan sebulat suara memilih Maharaja Abu Bakar. Kesan daripada pemilihan ini mengeruhkan lagi perhubungan antara keluarga Maharaja Abu Bakar dengan keluarga Sultan Ali.

Tengku Alam telah menghantar surat membantah perlantikan di Kuala Kesang kepada Pemangku Gabenor Anson. Akan tetapi suratnya itu tidak mendapat layanan yang sewajarnya. Sebaliknya tindakan Anson itu mendapat sokongan daripada gabenor Negeri-negeri Selat W.F. Robinson dan juga dari Whitehall iaitu badan yang berkuasa ke atas tanah jajahan British.

Dalam masa yang sama, Tengku Alam mendapat sokongan daripada beberapa saudagar British di Singapura seperti W.H. Read dan I.S. Bond.

Akhirnya dalam bulan Oktober 1879 Perang Muar meletus. Peperangan yang berterusan hingga Januari 1880 berakhir setelah Tengku Alam tewas.

PADANG

Padang ialah sebuah mukim lama dalam kawasan bandar Muar. Seperti yang tersirat pada namanya, tanah di kawasan ini mendatar. Padang terkenal sejak zaman Portugis memerintah Melaka. Catatan Portugis menyebut Padang sebagai 'Padam'. Sultan Mahmud pernah melantik pembesar Tun Abu Said sebagai Orang Besar Padang. Ketika Belanda memeri-
rintah Melaka, Padang meliputi kawasan dari Parit Perupuk ke Parit Pinang Seribu sahaja. Semasa Sultan Abu Bakar memerintah Johor, kawasan Padang diperbesar sampai ke Sungai Balang. Kini nama Padang jarang timbul dalam perbualan penduduk tempatan. Sebaliknya sebahagian besar daripada kawasan Padang lebih dikenali sebagai Parit Bakar.

Jalan masuk ke pekan Sungai Balang. Letaknya dalam perjalanan dari Muar ke Batu Pahat.



PAGOH

Kampung Makam Raja

Kira-kira 30 kilometer dari Bandar Muar, di Hulu Pagoh terdapat sebuah kampung yang diberi nama Kampung Makam Raja.

Di atas sebuah bukit di kampung ini terdapat makam Sultan Alauddin Riayat Shah, sultan yang memerintah Melaka antara 1477 dan 1488. Di sebelah makam baginda ialah makam saudara perempuan baginda yang kononnya telah mangkat kerana tercucuk jarum pada jarinya. Mengikut cerita itu lagi darah putih telah mengalir dari jarinya.

Nama Pagoh di daerah Muar dipercayai berasal daripada perkataan 'bagus'. Perubahan daripada 'bagus' kepada 'Pagoh' mungkin disebabkan oleh cara masyarakat orang asli yang tinggal di situ dahulu menyebut perkataan itu.

Pagoh pada zaman moden dimajukan oleh Dato' Bendahara Wan Sulaiman dari Kota Tinggi. Semasa pemerintahan beliau, beberapa bangunan baru termasuk balai polis telah dibina di pekan

Pagoh. Apabila Dato' Wan Sulaiman meninggal dunia, anaknya, Hassan mengambil alih sebagai pemerintah di situ. Ketika Dato' Bendahara Hassan berkuasa, orang Jawa mula membanjiri kawasan itu. Mereka menyenangi Dato' Hassan yang lebih dikenali di kalangan mereka sebagai Tok San.

Di Pagoh terdapat beberapa kesan peninggalan sejarah, termasuk makam-makam pahlawan dan pembesar Melayu. Hal ini tidak menghairankan

Makam Sultan Alauddin Riayat Shah di atas bukit di Kampung Raja, Pagoh, Muar.



kerana kedudukan Pagoh tidak jauh dari Melaka dan Muar, dua buah bandar yang mempunyai sejarah yang panjang.

Pada tahun 1377, Parameswara tinggal di Pagoh tidak lama sebelum berpindah ke Bertam dan seterusnya ke Melaka.

Pada tahun 1511, apabila tentera Portugis menyerang dan menawan Melaka, Sultan Mahmud Shah dan keluarga baginda juga lari ke Muar. Baginda Sultan Mahmud Shah bersemayam di Batu Hampar manakala putera baginda Raja Ahmad Shah bersemayam di Pagoh.

Apabila Pagoh menjadi masyhur, Portugis datang menyerang lagi. Sultan Mahmud, Permaisuri Tun Fatimah, Raja Ahmad serta keluarga diraja dan pengikut-pengikut setia baginda berundur ke Penarekan sebelum beredar ke Pahang dan kemudian ke Bentan. Di Bentan, Sultan Mahmud bersemayam di Kota Kara manakala anakanda baginda Raja Ahmad Shah membuka negeri baru dan mendirikan istana di Kopak.

Menurut ceritanya, Raja Ahmad Shah telah diracun oleh ayahandanya sendiri. Selepas Sultan Ahmad Shah mangkat anakanda Sultan Mahmud yang seorang lagi, Raja Muzaffar dilantik sebagai Raja Muda. Raja Muzaffar tidak lama memegang gelaran itu kerana Sultan Mahmud telah melantik anakandanya yang satu lagi iaitu Raja Ali, putera baginda dengan Tun Fatimah, sebagai

Raja Muda. Tun Fatimah ialah anak kepada Bendahara Seri Maharaja I yang juga telah dibunuh oleh Sultan Mahmud di Melaka sebelum Melaka jatuh ke tangan Portugis. Raja Ali diberi gelaran Raja Kecil Besar.

Sementara itu Raja Muzaffar yang telah dilucutkan hak sebagai Raja Muda telah merajuk lalu membawa diri ke Perak. Bagindalah yang mengasaskan Kesultanan Perak yang kekal hingga ke hari ini.

Selepas kemangkatan Raja Ahmad, Sultan Mahmud bersemayam di Kopak. Raja Ali ditabalkan menjadi Sultan Muda.

Dalam tahun 1526, Kopak jatuh ke tangan Portugis. Sultan Mahmud berundur ke Kampar di Sumatera dan menjadi raja di sana. Dengan itu maka berakhirilah percubaan baginda untuk merampas balik Melaka daripada tangan Portugis. Sekaligus, tamatlah juga Kesultanan Melaka. Apabila Sultan Mahmud mangkat dalam tahun 1529, putera baginda, Raja Ali ditabalkan sebagai sultan dengan gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah II. Mungkin kerana bimbang akan diburu oleh Portugis, maka sultan yang baru itu tidak lama berkerajaan dan bersemayam di Kampar. Sebaliknya baginda berundur ke Johor lalu membuka negeri baru di situ, menyambung semula kerajaan yang diasaskan oleh almarhum ayahanda baginda, Sultan Mahmud Shah yang membuka Johor semasa dalam pelarian dari Portugis dalam tahun 1511.

PARIT JAWA

Pekan Parit Jawa terletak kira-kira dua belas kilometer ke selatan Bandar Maharani atau Muar. Menurut cerita, Parit Jawa mendapat namanya daripada orang yang dikatakan membuka tempat ini. Orang tersebut bernama Jawal. Namun, 'Jawal' dirasakan agak janggal, lalu ditukarkan kepada 'Jawa'. Pertukaran nama itu juga bertepatan dengan hakikat bahawa masyarakat Jawa di situ agak besar.

Pada tahun 1910, Parit Jawa dikatakan meliputi kawasan seluas 12 000 ekar. Kawasan itu merangkumi Parit Samsu yang telah disatukan pentadbirannya dengan Parit Jawa sejak kematian Orang Kaya Samsu. Penghulu Parit Jawa pada masa itu bernama Penghulu Hasran Ali.

Di Parit Jawa ada sebuah bukit yang dinamai Bukit Mor. Perkataan 'Mor' itu dipercayai berasal daripada perkataan Hindi

Jalan masuk ke Parit Jawa. Letaknya di antara Muar dan Batu Pahat.





Bukit Mor (kiri) dikatakan pernah didatangi pencari emas dari India lama sebelum Melaka dibuka. Gambar sisip menunjukkan keadaan di lereng bukit ini yang dipenuhi batu-batu besar yang menjadi punca bahan mentah sebuah kuari yang didirikan di bukit ini.



atau Sanskrit yang bermaksud 'tanda daratan'. Berlandaskan andaian ini, kawasan Parit Jawa mungkin telah didatangi orang dari India sejak berabad-abad sebelum Melaka dibuka. Ada bukti yang menunjukkan mereka datang ke Tanah Melayu pada zaman silam untuk mencari emas.

Dalam pada itu, kawasan Bukit Mor juga dikatakan kawasan yang pertama dibuka di jajahan Padang, suatu jajahan yang terkenal pada zaman Kesultanan Melaka. Orang yang membuka kawasan Bukit Mor itu dipercayai anak raja Champa yang berdarah Bugis. Nama baginda ialah Daeng Seruik.

Kebanyakan orang Jawa yang mula-mula sampai ke kawasan ini terdiri

daripada golongan petani. Merekalah yang kemudian mengambil upah menggali tali air (juga dipanggil parit) yang kini banyak terdapat di Parit Jawa. Oleh sebab itu, ada yang berpendapat bahawa nama Parit Jawa itu bukannya timbul daripada 'Jawal', tetapi daripada usaha penggalian parit-parit air di situ oleh orang Jawa.

PARIT SULONG

Nama-nama tempat yang bermula dengan 'Parit' memang banyak di daerah Batu Pahat. Parit Sulong adalah salah satu daripadanya. Terdapat cerita yang menarik di sebalik kemunculan nama Parit Sulong ini.

Nama pekan ini diambil daripada nama seorang pemburu diraja yang terkenal pada awal abad ke-20. Namanya Sulong. Sulong adalah anak seorang panglima yang bernama Gantang, yang dipercayai

keturunan daripada Panglima Bontak dan Megat Seri Rama atau Laksamana Bentan, pembesar yang membunuh Sultan Mahmud Shah (Sultan Mahmud Mangkat Dijulang) di Kota Tinggi.

Ayah kepada Panglima Gantang, iaitu Panglima Bontak, tidak mahu masuk campur dalam krisis istana Johor antara Raja Kecil, Bendahara Seri Maharaja (pewaris kerajaan Johor) dan orang Bugis. Oleh itu Panglima Bontak telah

Pekan Parit Sulong.



membawa keluarga serta para pengikutnya berundur ke Pahang.

Walau bagaimanapun, tidak lama kemudian istana Pahang juga mengalami krisis perebutan kuasa yang akhirnya mendorong British campur tangan. Sekali lagi Panglima Gantang mengambil keputusan untuk membawa keluarganya berundur dari situ. Rombongan Panglima Gantang itu dianggotai oleh beberapa orang pembesar Pahang yang tidak puas hati dengan keputusan membawa masuk British campur tangan. Kali ini mereka berpindah ke suatu kawasan yang berhampiran dengan Bukit Inas.

Bukit Inas dikaitkan dengan legenda Raja Donan. Menurut legenda ini, Raja Donan telah menderhaka dengan tidak mengakui ibunya setelah mendapat kuasa pemerintahan. Ibunya teramat sakit hati lalu mengenakan sumpahan ke atas anaknya itu sampai menjadi helang.

Panglima Gantang berkhemah di kawasan Bukit Inas dan kemudian membuka sebuah perkampungan di situ. Hingga ke hari ini, masih terdapat makam beberapa ahli keluarga diraja Pahang serta pengikut mereka di Bukit Inas.

Walau bagaimanapun, bak kata pepatah, ke mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi? Anak-anak Panglima Gantang, iaitu Sulong, Awal, Manang dan Manap, meninggalkan Bukit Inas untuk membuka sebuah perkampungan di tempat lain di negeri Johor.

Sulong empat beradik terkenal kerana cekap berburu. Apatah lagi setelah mereka diper-lengkapkan dengan senjata moden seperti senapang. Kecekapan mereka termasyhur ke seluruh negeri Johor.

Suatu hari ketika Sultan Ibrahim

melawat Singapura, baginda ternampak sepasang gading gajah yang besar dipamerkan di sebuah kedai. Apabila baginda bertanya dari mana-kah datangnya gading itu, baginda diberitahu bahawa gading itu telah dibeli daripada seorang pemburu ternama dari Simpang Kiri, Johor. Pemburu itu ialah Pendekar Sulong. Apabila mendengar berita itu, Sultan Ibrahim menjadi amat murka kerana Sulong telah berburu tanpa izin kerajaan baginda, sedangkan semua hidupan liar dan hutan di negeri itu berada di bawah takluk baginda.

Lantaran itu satu rombongan dihantar ke Simpang Kiri untuk menangkap Sulong. Sulong dibawa untuk menghadap tuduhan menceroboh dan didapati bersalah. Hukumannya, Sulong telah dipenjarakan selama beberapa bulan.

Sultan Ibrahim juga gemar berburu dan setiap kali baginda hendak keluar berburu, pembesar istana pasti menasihati baginda supaya membawa pengiring yang cekap. Suatu hari, ketika Sultan Ibrahim hendak keluar berburu baginda teringat akan cerita tentang kecekapan Sulong yang pada masa itu sedang meringkuk di dalam kurungan. Baginda menitahkan supaya Sulong dibebaskan untuk membolehkannya mengiringi baginda pergi berburu.

Sultan Ibrahim berburu di Kota Tinggi, Mersing dan di segenap ceruk rantau negeri Johor. Semasa berburu dengan baginda Sultan Ibrahim, Sulong telah berjaya mempamerkan kehandalannya dan segera memenangi hati sultan. Baginda kemudian mengampunkan Sulong. Seterusnya, sebagai menghargai jasa-jasanya kepada sultan, Sulong dilantik sebagai ketua Kampung Simpang Kiri. Sulong sangat

gembira dengan perlantikannya itu. Beliau berusaha untuk membangunkan kampungnya dengan mempelawa orang Cina supaya datang menghuni kawasan di sekitar kampungnya itu. Mereka menerima pelawaan Sulong itu lalu mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam di Kangkar Merlimau dan di Kangkar Senanga. Di samping itu, Sulong menggalakkan orang berketurunan Jawa untuk membuka kawasan baru di sekitar Kampung Simpang Kiri.

Orang Kampung Simpang Kiri menyayangi Sulong, ketua kampung mereka yang dilantik oleh baginda sultan itu. Apabila Sulong meninggal dunia, mereka melantik anak lelakinya sebagai ketua kampung yang baru.

Pada masa itu anak lelakinya yang tua

sekali yang bernama Mian, belum mencapai usia dewasa. Oleh demikian, menantu Sulong yang kebetulannya juga bernama Sulong (bin Mohamad) diangkat menjadi ketua kampung sementara. Sulong bin Mohamad berasal dari Melaka.

Apabila Mian meningkat dewasa, jawatan ketua kampung itu diserahkan kepadanya. Tidak lama kemudian Peperangan Dunia Kedua tercetus. Ketika Jepun memerintah Tanah Melayu, Kampung Simpang Kiri ditukarkan namanya menjadi Parit Sulong. Mian bin Sulong pula terus memegang jawatan ketua kampung. Pentadbir Jepun memberi gelaran *Soncho* kepadanya. Perkataan ini bermaksud ketua kampung dalam bahasa Jepun.

PONTIAN

Bandar Pontian terletak kira-kira 60 kilometer ke barat Johor Bahru. Bandar ini ialah pusat pentadbiran daerah Pontian, daerah terkecil di Johor. Daerah ini terkenal dengan penanaman getah dan nanas. Kelapa juga merupakan hasil pertanian yang penting di daerah ini. Jika dalam perjalanan dari batu Pahat, kita akan dapat melihat longgokan

kelapa yang tinggi menggunung di sepanjang jalan ke Pontian.

Tanjung Piai yang terletak di daerah ini adalah bahagian tanah besar benua Asia yang paling ke selatan!

Ke utara Pontian Kecil ialah Pontian Besar. Tidak seperti yang digambarkan oleh namanya, Pontian Besar hanya sebuah perkampungan kecil masyarakat nelayan.

Longgokan kelapa menggunung di halaman sebuah rumah.





Pontian Kecil (kiri) lebih maju berbanding dengan Pontian Besar yang hanya merupakan sebuah kampung nelayan. Gambar di bawah menunjukkan jeti pendaratan ikan di Pontian Besar.

Bagaimanakah Pontian mendapat namanya? Menurut seorang penduduk tempatan, nama Pontian berasal daripada perkataan 'perhentian'. Pada awal penerokaannya, Pontian (ketika itu masih belum bernama) cuma suatu tempat perhentian para nelayan. Kedudukannya di kuala Sungai Pontian sesuai untuk tujuan itu. Kemudian tempat itu berkembang menjadi pangkalan penting untuk nelayan turun ke laut dan memunggah hasil tangkapan mereka ke darat.

Masa berlalu dan penduduk Pontian semakin bertambah. Lama-kelamaan kawasan Pontian tidak mampu lagi untuk menampung pertambahan penduduk yang begitu banyak serta kegiatan mereka. Lantaran itu, suatu kawasan lain yang berhampiran dimajukan sebagai bandar baru. Bandar itu dinamakan Pontian Kecil, sementara Pontian yang asal dirujuk sebagai Pontian



Besar. Kini Pontian Kecil seringkali disebut sebagai Pontian sahaja. Jadi, agak terbalik keadaannya di sini kerana mengikut kelaziman sesuatu yang besar itu diberi keutamaan dan dianggap yang lebih penting atau lebih tinggi kedudukan atau darjatnya. Tetapi perkara sebaliknya terdapat di sini. Pontian Kecil, bukan Pontian Besar yang merupakan pusat kegiatan utama di sini.

PULAU AUR

Pulau Aur terletak di Laut Cina Selatan, kira-kira 70 kilometer di luar pantai Mersing. Sesetengah orang mengatakan bahawa pulau ini dibuka lebih awal daripada Pulau Tioman atau pulau-pulau lain di perairan pantai timur Johor. Malah ada yang mendakwa bahawa pulau ini dibuka lebih awal daripada Temasik (Singapura) dan Melaka.

Menurut legenda, pada suatu masa dahulu Pulau Aur tidak wujud. Menurut legenda itu lagi, kemunculan pulau ini dikaitkan dengan suatu cerita yang menarik. Pulau Aur dikatakan berasal daripada sebuah busut yang timbul di tengah laut. Peristiwa itu dikatakan berlaku berikutan doa Syed Hussein, seorang ulama dari kepulauan Indonesia. Ketika Syed Hussein belayar pulang dari

negeri China, anak kesayangannya telah meninggal dunia. Syed Hussein memohon pertolongan daripada Allah untuk membantunya mengebumikan jenazah anak kesayangannya itu.

Menurut legenda itu lagi, permohonan Syed Hussein telah dimakbulkan. Tiba-tiba sebuah busut muncul di tengah-tengah laut. Syed Hussein mengebumikan jenazah anaknya di situ dan menanam aur (buluh) sebagai nisan kuburnya. Kemudian Syed Hussein meneruskan pelayarannya.

Yang anehnya, busut itu kelihatan semakin besar apabila semakin jauh kapal Syed Hussein meninggalkannya. Akhirnya busut itu menjadi sebuah pulau. Maka terkenallah pulau yang baru muncul itu dengan nama Pulau Aur, bersempena aur yang ditanam sebagai nisan

kubur anak Syed Hussein.

Jika benar Pulau Aur dibuka lebih awal daripada Temasik, sudah tentu pulau itu pernah mempunyai nama lain. Ini adalah kerana rata-rata orang mempercayai Temasik telah dibuka sebelum kemunculan agama Islam di Nusantara. Kalau demikian halnya, dari manakah Syed Hussein menerima ajaran Islam hingga mendorongnya menganut agama tersebut sedangkan agama Islam masih belum berkembang ke Nusantara pada masa itu?

Akan tetapi, jika dilihat pada tarikh (bersamaan 1303 Masihi) yang tercatat pada Batu Bersurat yang dijumpai di Terengganu, mungkin benar ada seseorang yang bernama Syed Hussein yang singgah di Pulau Aur sekitar atau sebelum tarikh pembukaan Temasik.

SEGAMAT

Jambatan kereta api yang merentangi Sungai Segamat.

Perhatikan air sungai ini.

Mungkinkah orang yang membuka kawasan ini akan bertanya-tanya akan apakah yang telah terjadi pada sungai ini jika dia kembali ke sini?

Namun gambar ini diambil pada musim hujan. Air sungai ini tidaklah secemar yang digambarkan di sini.

Daerah Segamat ialah daerah Johor yang paling ke utara, bersempadan dengan Pahang dan Negeri Sembilan. Pusat pentadbiran daerah ini iaitu bandar Segamat terletak di tebing Sungai Segamat.

Nama bandar ini dikatakan diambil daripada perkataan 'segar amat' atau 'segera amat'. Peristiwa yang berkaitan dengan kemunculan nama tempat ini berlaku hampir 500 tahun dahulu iaitu sewaktu

Melaka sedang diserang oleh Portugis.

Apabila menyedari bahawa Melaka tidak dapat bertahan dan pasti jatuh ke tangan Portugis, saudara sultan yang bernama Bendahara Tepak mengambil keputusan untuk melarikan diri. Beliau lari bersama pengikut-pengikutnya. Semasa dalam perjalanan, Bendahara Tepak telah jatuh sakit. Apabila beliau sampai di tapak bandar Segamat sekarang, beliau mengarahkan rombongannya untuk berhenti dan berehat. Di situ Bendahara Tepak mandi di sebatang sungai. Beberapa hari kemudian beliau kemudiam beliau memberitahu pengikutnya bahawa beliau berasa amat segar.

"Segar amat badanku," kata Bendahara Tepak. "Ini mesti disebabkan air sungai yang sejuk dan jernih itu."



Yang mende-
ngar kata-kata
Bendahara Tepak
itu cuma mengang-
guk-angguk.

Bendahara
Tepak menyam-
bung: "Ya, tempat
ini pun aman
damai, sangat
sesuai untuk tapak
perkampungan
kita. Lihat di
sekeliling kita, hijau
nyaman. Segar
amat."

Berulang-ulang
kali Bendahara
Tepak menyebut
'segar amat'
bagaikan ada

sesuatu yang sakti pada sebutan itu. Jadi, apabila pengikut-pengikutnya bersetuju untuk menetap di situ, salah seorang daripada mereka mencadangkan supaya 'Segar Amat' diambil sebagai nama tempat itu. Cadangan tersebut diterima ramai. Tersipu-sipu Bendahara Tepak. Beliau tahu bahawa nama itu diambil sebagai satu sindiran kerana dia sentiasa menyebut 'segar amat'.

Sungai tempat Bendahara Tepak mandi dahulu juga diberi nama 'Segar Amat'.



Bangsal-bangsal berbumbung zink ini melindungi kubur yang menjadi tempat persemadian

Melalui masa, sebutan 'Segar Amat' bertukar menjadi 'Segamat', nama yang wujud pada hari ini.

Tidak jauh dari bandar Segamat sekarang, di jalan menuju ke Muar, terdapat empat buah bangsal yang berbumbung zink. Bangsal-bangsal itu melindungi kubur-kubur lama yang dipercayai tempat persemadian ahli rombongan Bendahara Tepak, pengasas bandar Segamat.

SERI MENANTI

Seri Menanti terletak kira-kira dua puluh kilometer dari bandar Muar. Kampung ini telah dibuka oleh dua orang penghulu: Penghulu Salleh yang berasal dari Pulau Penarik; dan, Penghulu Johor dari Parit Jamil. Penghulu Salleh membuat penempatan di tepi pantai, sementara Penghulu Johor membuka kawasan di sebelah darat.

Apabila kerajaan Johor mengambil keputusan untuk melantik seorang penghulu sahaja di situ, kedua-dua Penghulu Salleh dan Penghulu Johor menuntut hak perlantikan tersebut. Masing-masing mengatakan bahawa dialah yang berhak untuk memimpin kampung itu berdasarkan kedudukan mereka sebagai orang yang membuka kampung itu. Akan tetapi, diketahui bahawa bahagian pantai dan bahagian darat dibuka dengan serentak, maka mereka sama-sama berhak.

Untuk mengelakkan perpecahan, kerajaan bersetuju untuk melantik

kedua-duanya sekali sebagai penghulu. Mereka menjaga kawasan masing-masing. Dengan penyelesaian itu pergaduhan antara mereka dikatakan berakhir dengan keputusan seri. Lantaran itu kampung mereka dinamakan Seri Menanti. 'Menanti' pada nama tempat itu bermaksud kedua-dua penghulu itu 'menanti' dengan penuh keyakinan' bahawa diri masing-masing akan dilantik sebagai penghulu tunggal di situ.

Kira-kira dua kilometer dari Seri Menanti terdapat perkampungan Melayu yang diberi nama Parit Pecah. Menurut cerita, nama kampung ini disebut demikian kerana masyarakatnya terbahagi dua. Satu bahagian berasal dari perkampungan Haji Abu bin Abdul Rahman berhampiran bandar Muar. Haji Abu berasal dari Sarang Buaya. Satu bahagian lagi berasal dari perkampungan Daeng Kelewang di hulu Sungai Muar. Daeng Kelewang berasal dari Singapura.